

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

RPW 543 - Perancangan Pembangunan Bandar

Tarikh: 31 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. Bincangkan akibat-akibat dasar kerajaan terhadap kaitan di antara pembandaran, migrasi dan proses pembangunan bandar di Malaysia semenjak tahun 1970.

(25 markah)

2. Huraikan faktor-faktor kemanusiaan dan fizikal yang merupakan sebagai halangan terhadap pemilihan antara tindakan pembangunan bandar.

(25 markah)

3. Bincangkan persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan utama di antara pola struktur bagi sebuah bandar Asia Tenggara yang anda tahu dari satu segi DAN sama ada bandar ini mengunggulkan zon model sepusat E.W. Burgess atau sektor model H. Hoyt.

(25 markah)

... 2/-



4. Bincangkan hubungan di antara aktiviti-aktiviti manusia dengan penyesuaian ruang untuk keperluan manusia. Bagaimanakah perletakan beberapa bentuk ruang yang disesuaikan dan proses pembangunan melibatkan perubahan-perubahan dalam hubungan ini?

(25 markah)

5. Siapakah golongan miskin di bandar Malaysia? Bincangkan implikasi Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menaikkan taraf hidup golongan miskin ini dalam proses pembandaran di Malaysia.

(25 markah)

6. Bincangkan faktor-faktor yang membolehkan daya memusat (centripetal forces) dan daya empar (centrifugal forces) semasa pembangunan bandar?

(25 markah)

7. Guna tanah bandar adalah satu sifat yang mencerminkan pembahagian fungsi-fungsi spatial di bandar. Bincangkan peranan sektor kerajaan dan sektor swasta dalam aktiviti pembahagian tersebut.

(25 markah)

8. Terangkan teknik pengaturan semula hak milik tanah (land readjustment technique). Bincangkan bagaimana teknik tersebut boleh digunakan di bandar Malaysia.

(25 markah)